



Sedikit masa yang lalu di Alor Setar orang-orang UMNO di dalam persidangan telah mengambil keputusan bahawa akan menarik ahli-ahlinya daripada majlis-majlis mesyuarat negeri pada bulan September 1954. Sekiranya mereka tidak mendapat ketentuan bahawa pilihan raya mesti diadakan pada tahun 1954 ini. Keputusan ini telah dibantah dengan keras oleh cawangan Selangor yang berpendapatan melihat kepada keadaan bahawa pilihan raya tak mungkin dapat diadakan pada tahun 1954. Masa berjalan kemudian terbit masalah kertas putih. Di persidangan-persidangannya maka tentu-tentunya diadakan supaya mereka mendapat sekurang-kurangnya 75 peratus orang yang dipilih kalau tidak adalah maksud mereka mencari seratus peratus iaitu disebalik daripada tuntutan yang bermula supaya yang dipilih hendaklah tiga perlima daripada ahli-ahli mesyuarat. Kerana kerajaan menolak maka pemboikotan diadakan tetapi kemudian setelah diadakan perundingan dengan kerajaan maka, menurut orang-orang UMNO sendiri, dengan tidak ada rundingan (persidangan khas) keputusan telah diambil menerima tawaran pesuruhjaya tinggi dengan suatu cara yang dikatakan “berular taring” dengan tidak sedikit pun mengubah dasar kertas putih yang dibantah itu.

Sebahagian dari orang-orang UMNO di Kuala Lumpur yang pernah bercakap dengan saya berkata bahawa ia tidak faham dalam perkara ini kerana, katanya, tatkala mengadakan rancangan pemboikotan diadakan rundingan tetapi tatkala menerima tawaran tidak lebih dahulu berunding dan sebaliknya, katanya apa hal ikrar tentang pilihan raya tahun 1954 yang telah diputuskan di Alor Setar dahulu.

Saya katakan kepadanya bahawa ini adalah perkara “awak sama awak” sahaja maka patutlah perkara ini

dibincangkan bersama-sama untuk kebaikan bersama sebab kalau orang luar seperti saya campur walaupun berniat baik salah-salah bawa mendapat tuduhan yang tak baik. Walhal biarlah kita bersama-sama melihatnya sebab masa ada berjalan yang akan menentukan bentuk dan kesudahannya.

\*\*\*

Seorang pensyarah terkenal menggambarkan keadaan masyarakat Kita tentang mengenal Tuhan telah mengatakan bahawa kebanyakan Orang-orang kita hanya mengenal Allah itu pada bibir sahaja. Orang-orang kita sekarang, katanya, lebih mengenal anak-anak wayang P.Ramlee dan seumpamanya. Kerana kita tidak mengenal Allah maka itulah kita mundur.

Bagi orang-orang yang mengenal Allah maka ia tahu tidak ada sesuatu kekuatan yang boleh menghalangnya daripada mendirikan hak dan kemuliaan agamanya kerana ia tahu hanya Allah itulah sahaja yang takutinya. Ia tidak berani melakukan suatu pekerjaan yang mungkar kerana ia tahu bahawa ke mana juga ia bersembunyi melakukan kejahatan namun perbuatannya itu tidak tersembunyi daripada pandangan Allah.

Benar kata pensyarah ini! Ini adalah satu ajaran bagi kita bersama supaya sentiasa terpaku pada hati kita perasaan bahwa di mana kita berada namun kita adalah dilihat Allah dan sebab itulah kita mesti takut melakukan tegahannya dan berusaha membuat sesuatu kebajikan yang hanya diketahui oleh Allah – tidak mustahak diketahui oleh orang lain dengan semata-mata berharap kepada keredhaannya.

\*\*\*

Keris pusaka di dalam ruangan sambil lalunya di dalam mingguan Warta baharu-baharu ini membayangkan bahawa kerajaan persekutuan Tanah Melayu sekarang dikatakan tidak lagi menerbitkan buku-buku bacaan sekolah Melayu dengan menggunakan huruf Jawi tetapi yang digunakan oleh dikata huruf Rumi.

Ini tidak menjadi suatu perkara rahsia lagi kerana tidakkah kita semuanya mengetahui bahawa rumi itu dicadangkan jadi tulisan rasmi dan untuk menjalankan sudah tentu diam-diam, lebih baik daripada berterang-terang.

-Cemeti al-Farouk